

27 APR 2003

Rais-Perlembagaan

PINDA PERLEMBAGAAN BERKAITAN KERUSI PARLIMEN KE KABINET, JUN INI

JOHOR BAHRU, 27 April (Bernama) -- Pindaan perlembagaan berkaitan kedudukan kerusi parlimen dalam pilihan raya akan datang akan dikemukakan kepada kabinet Jun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim hari ini mengesah bahawa perkara 46 itu akan dipinda dan dibincangkan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada sidang akan datang.

Pindaan itu akan dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, katanya pada sidang media selepas merasmikan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Gelang Patah di Dewan Majlis Perbandaran Johor Baharu Tengah, Gelang Patah, dekat sini.

Rais berkata pindaan itu dijangka tidak akan menghadapi sebarang masalah kecuali pihak pembangkang tidak bersetuju dengan cadangan itu.

Katanya pindaan itu kelak akan menyaksikan tambahan 25 buah kerusi parlimen, menjadikan jumlahnya 219 berbanding 194 kerusi parlimen sedia ada.

Rais bagaimanapun berkata kerajaan harus mengambil kira beberapa aspek termasuk membesarkan ruang Dewan Rakyat serta mengkaji sama ada pertambahan kerusi parlimen setiap lapan tahun sesuai dilaksanakan.

Kerajaan harus menimbang kedudukan itu kerana jika hadnya tidak ditentukan, Malaysia akan mempunyai anggota Parlimen yang melebihi nisbah penduduknya, kata Rais.

"Kerajaan sedang menjalankan kajian dan sekiranya didapati unjuran itu keterlaluan dari segi angkanya setiap lapan tahun sekali, maka kita akan mengenakan had, tetapi sebaliknya jika pertumbuhan tidak mendadak maka ia tidak akan menjadi masalah," katanya.

Rais berkata Umno juga perlu memberi ruang kepada generasi muda untuk menyuarakan idea dan pendapat mereka dalam membangunkan parti itu.

Katanya bagi sebuah parti besar seperti Umno, adalah amat bahaya jika suara generasi muda tidak dibimbing dengan baik ke arah perubahan yang dirasakan perlu oleh generasi muda.

"Oleh itu, suara-suara dari cawangan-cawangan Umno khususnya perlu diberi ruang terutama berkaitan ehwal masyarakat tempatan," katanya.

Selain itu, katanya Umno juga perlu mempunyai ketahanan sendiri untuk menangkis perkembangan yang negatif dan tidak sihat dalam parti termasuklah amalan politik wang.

"Kita harus menggariskan amalan politik wang bagaimana yang salah, bukan semua politik yang menggunakan wang salah misalnya nak menjamu anggota parti mestilah gunakan wang dan nak berjalan ke sana ke mari juga menggunakan wang... yang salah ialah membeli undi atau Menggunakan kewangan bagi kepentingan populariti, itu yang salah," katanya.

-- BERNAMA

BH LAT